

BAB VI: K E S I M P U L A N

Dalam bab penutup ini, seperti lazimnya dalam penyelidikan, maka pengkaji akan mengemukakan beberapa penemuan dan kesimpulan; dan setelah itu pengkaji akan memberikan beberapa cadangan berdasarkan temuan tersebut.

5.1 Kesimpulan

Setelah menghuraikan kajian tentang latar belakang feminisme dan sejarah kemunculan pengajian gender di institusi pengajian tinggi Islam di Indonesia, kemudian disusuli dengan penyelidikan proses berlangsungnya pengajian Islam berbasis gender di UIN Yogyakarta dan isu-isu wacana kesetaraan gender dalam pemikiran Islam di universiti tersebut, maka saatnya pengkaji menghuraikan beberapa kesimpulan kajian berasaskan objektif yang digariskan.

Secara umum, kajian ini menyimpulkan bahawa wacana kesetaraan gender dalam pemikiran Islam yang berlangsung di UIN Sunan Kalijaga cenderung bercorak liberal dan menyelisih tradisi intelektual Islam yang dibina dan dikembangkan oleh para ulama *al-salaf al-salih*, sama ada dalam metode mahupun hasil akhirnya. Perbezaan dalam memaknai konsep-konsep dasar dalam Islam, seperti kesetaraan, keadilan, *thawābit-mutaghayyirāt* dan *qat'iyyāt-zanniyāt* sangat berperanan memunculkan perbezaan mendasar antara perspektif gender dan tradisi pemikiran Islam di kalangan Ahli Sunnah wal Jama'ah, khasnya berkenaan dengan isu-isu gender. Oleh itu apa-apa yang di dalam Islam merupakan beban (*taklīf*) dan kewajiban lelaki boleh jadi dalam

pandangan feminis adalah satu bentuk dominasi lelaki, dan apa-apa yang menjadi keringanan (*rukhsah*) untuk wanita boleh jadi dianggap subordinasi dan diskriminasi mengikut cara pandang feminis.

Merujuk kepada *objektif pertama*, kajian ini menemui bahawa sejarah kemunculan wacana kesetaraan gender di Indonesia secara lebih jelas diawali dengan kuatnya tekanan luaran melalui Konvensi PBB, pelbagai konferensi antarabangsa, dan seruan NGO yang menggesa pihak berkuasa untuk melakukan emansipasi, dan pemberdayaan wanita sehingga dilibatkan dalam aktiviti pembangunan nasional. Sokongan polisi kerajaan terhadap gerakan wanita yang diwujudkan dengan pembentukan Kementerian Peranan Wanita tahun 1978, dan pengesyahan pelbagai undang-undang yang mendokong gerakan aktivis gender, semakin mempercepat proses pengarusperdanaan gender di segala bidang kehidupan.

Sedangkan sejarah kemunculan wacana kesetaraan gender dalam pemikiran Islam di Institusi Pengajian Tinggi Islam Negeri Indonesia tidak terlepas daripada peranan Munawir Sjadzali yang menjawat sebagai Menteri Agama ketika itu. Dalam pidato beliau sempena upacara konvokesyen di UIN Jakarta, Munawir menyuarakan semula isu-isu gender seperti harta pusaka, poligami, dan hijab. Harun Nasution yang ketika itu menjawat sebagai Rektor di UIN Jakarta juga dipandang aktif mengembangkan konsep Islam Rasional dan Liberal. Sehingga dengan demikian semakin memberi peluang bagi berkembangnya pelbagai aliran pemikiran dalam Islam, termasuklah fahaman kesetaraan gender.

Pada awalnya, strategi sosialisasi wacana kesetaraan gender dalam pengajian Islam tidak menggunakan istilah “teologi feminis”. Hal ini dimaksudkan untuk mengelakkan

kecurigaan dari umat Islam. Kemudian dimunculkan istilah baru yaitu “perspektif wanita” dalam agama, atau analisis gender dan menumpukan kajian tentang isu-isu keganasan terhadap wanita.

Terbitnya Instruksi Presiden No. 9 Tahun 2000 di zaman Abdurahman Wahid merupakan landasan hukum bagi dilaksanakannya pengarusperdanaan gender dalam pembangunan nasional, termasuk pengembangan kurikulum pengajian Islam berlandaskan gender di lingkungan pendidikan tinggi. Perkembangan selanjutnya, seiring dengan bergulirnya waktu, wacana kesetaraan gender semakin ramai diperbahaskan di pelbagai universiti Islam, khasnya semenjak dekad 1990an. Dan secara perlahan perspektif gender mulai digunapakai dalam wacana akademik dan diyakini sebagai alat analisis baru untuk menjawab ketidakadilan dalam peranan sosial, dan isu keganasan terhadap wanita.

Manakala merujuk kepada *objektif kedua*, kajian ini menemui bahawa wacana kesetaraan gender yang berlangsung di UIN Sunan Kalijaga bertujuan untuk membina semula pemahaman terhadap teks-teks agama yang ditohmah sebagai punca berlakunya keganasan terhadap wanita. Pengajaran inklusif gender (*gender inclusive teaching*) di UIN Sunan Kalijaga dilakukan dengan menggunakan bahan kursus yang mesra wanita, dan diperkaya dengan kes-kes subjektif daripada pengalaman peribadi wanita yang lebih ditumpukan kepada pengalaman ketertindasan wanita.

Pengajian Islam Berbasis Gender di UIN Yogyakarta dilakukan dengan strategi yang khas, misalnya melalui penubuhan Pusat Studi Wanita (PSW), penerbitan buku dan jurnal, penggubalan kurikulum mesra wanita, serta dengan menggalakkan kerjasama dengan lembaga-lembaga feminis dari dalam mahupun luar negara. Manakala

metode feminis yang dipraktikkan dalam pengajian Islam ialah: i) Mencari justifikasi teologi yang menyokong idea kesetaraan gender untuk menolak teks-teks terkenal yang digunakan untuk menindas wanita. ii) Kritikan terhadap gaya bahasa dan perspektif patriarki terhadap teks-teks wahyu. iii) Menampilkan perspektif wanita dalam teks-teks wahyu. iv) Kritikan sejarah terhadap teks-teks wahyu yang misogini. Metode-metode tersebut sebelumnya digunakan feminis Barat untuk membongkar semula pemahaman terhadap teks-teks Bibel.

Pengajian Islam berlandaskan gender yang berlangsung di UIN Sunan Kalijaga pada umumnya lebih terfokus kepada masalah jantina, berbanding kepada substansi persoalan yang tengah dibahas. Dalam mengkaji isu-isu gender dalam pengajian Islam, ahli-ahli penyelidik PSW cenderung menggunakan metode kritik sejarah dan fahaman evolusi shari'ah yang bersandarkan kepada relativisme. Hal ini kerana paradigma pemikiran feminis tentang isu-isu gender dalam pemikiran Islam terlalu berorientasi kepada ideologi feminisme Barat yang mengutamakan pengalaman subjektif tentang ketertindasan wanita. Dengan paradigma seperti ini, akhirnya teks-teks wahyu difahami secara dikhotomi antara teks-teks yang membenci wanita dan mesra wanita.

Sedangkan untuk *objektif ketiga*, kajian ini menemui bahawa isu-isu wacana kesetaraan gender dalam pemikiran Islam yang dikembangkan di UIN Sunan Kalijaga terlalu berorientasi kepada ideologi feminisme Barat, dan mempercayainya sebagai jawaban untuk semua masalah wanita. Padahal budaya, ideologi dan konteks sosial wanita di Barat tidak selalunya sama dengan hukum dan ajaran Islam. Pendekatan feminis yang diasaskan kepada pengalaman subjektif tentang ketertindasan wanita

berbeza dengan konsep ajaran Islam yang berbasis wahyu dan bersifat kekal di segala tempat dan zaman.

Dengan demikian, sebagai agama wahyu maka sudut pandang Islam terhadap isu-isu poligami, pusaka, kesaksian wanita dan kesihatan reproduksi berselisih dengan fahaman kesetaraan gender yang tertakluk kepada konteks kesejarahan dan peranan sosial. Hukum-hukum shari'ah dalam Islam, khasnya yang bersifat *qat'i* dan *thabit* tidaklah dibina berasaskan budaya dan realiti sosial, sehingga boleh sentiasa berubah mengikut perubahan konteks dan kondisi kehidupan manusia, serta kes-kes yang *partial* dan *temporal*.

5.2.CADANGAN

Melalui penyelidikan dalam tesis ini pengkaji bermaksud memberikan beberapa cadangan seperti berikut:

Sebagai kajian yang bersifat kontemporari, wacana kesetaraan gender dalam pemikiran Islam perlu mendapatkan perhatian yang khas dari sarjana-sarjana muslim secara adil dalam memaknai teks-teks wahyu, isu-isu wanita, dan konteks kekinian tanpa meninggalkan petunjuk teks tersebut secara am (*'umumu l-lafz*). Oleh kerana luasnya skop kajian wacana gender dan Islam, penulis berharap kepada pengkaji mendatang untuk menyelidik isu-isu gender lainnya dalam pemikiran Islam, sehingga boleh memberikan jawapan-jawapan yang tepat untuk mengelakkan berlakunya

kebingungan umat Islam dan membebaskan kerancuan dalam memahami khazanah intelektual Islam.

Oleh itu diperlukan rekrutmen ahli-ahli akademik bagi semua institusi pengajian tinggi Islam yang memiliki kepakaran di bidang khazanah intelektual Islam dan memahami Barat secara berimbang dan adil untuk mengkaji isu-isu gender dalam pemikiran Islam, sehingga Islam tidak menjadi justifikasi terhadap faham gender atau feminisme.

Demikianlah apa yang boleh dipaparkan dalam kajian ini. Penulis menyedari bahawa terdapat banyak kekurangan yang perlu diperbaiki, sama ada disengajakan mahupun yang tidak disengajakan, sama ada dari segi maknawi mahupun teknikal. Semoga pembaca dapat memaklumi dan memaafkan hal ini, dan berharap ada penulis lain yang dapat menampung kekurangan dan kelemahan tersebut sehingga dapat mengemukakan penemuan-penemuan yang lebih baik dari kajian ini.

Wallahu wali taufiq.